

07 FEB 2003

Pemuda-Kereta

KEMBALIKAN TEMPOH ASAL KERETA LANGKAWI BERADA DI TANAH BESAR

LANGKAWI, 7 Feb (Bernama) -- Pemuda Umno Langkawi akan menghantar memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berserta tandatangan orang ramai di Langkawi, bagi mengembalikan tempoh tiga bulan untuk kenderaan Langkawi berada di tanah besar.

Ketuanya Nawawi Ahmad berkata pergerakan itu akan mengumpulkan seberapa banyak tandatangan daripada orang ramai terutama pemilik kenderaan Langkawi dalam tempoh seminggu untuk tujuan itu.

"(Anggota Parlimen Langkawi) Datuk Abu Bakar (Taib), dan saya bersama anggota jawatankuasa Pemuda Umno bahagian akan menyerahkan memorandum berserta tandatangan itu kepada Dr Mahathir tidak lama lagi," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen mengutip tandatangan itu sempena perasmian mesyuarat agung serentak 61 cawangan Pemuda Umno Langkawi di sini, hari ini.

Mesyuarat itu dirasmikan oleh Abu Bakar yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian.

"Tempoh sebulan setiap tahun bagi kenderaan yang didaftarkan di sini berada di tanah besar perlu dikaji semula memandangkan senario ekonomi yang akan berubah selepas Afta bermula dalam tempoh dua tahun lagi," katanya.

Kempen ini dilancarkan berikutan Pemuda Umno banyak menerima pertanyaan dan rungutan daripada orang ramai yang ingin berada lebih lama di tanah besar atas urusan masing-masing, katanya.

Tempoh sebulan itu tidak mencukupi sekiranya mereka ingin menghantar kenderaan mereka untuk kerja-kerja penyenggaraan di tanah besar terutama apabila kemudahan yang diperlukan tidak dapat diperolehi di Langkawi.

Tambahan pula, tempoh sebulan itu adalah amat singkat bagi penduduk Langkawi menyahut hasrat kerajaan yang menggalakkan rakyatnya melancong di negara sendiri.

Sebelum ini, kenderaan yang didaftarkan di Langkawi dibenarkan berada di tanah besar selama tiga bulan dalam setahun tetapi telah dikurangkan kepada sebulan sejak 1997 atas sebab-sebab tertentu.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia Datuk Abdul Halil Mutalib berkata jabatan itu sedia menimbangkan permohonan untuk melanjutkan tempoh membawa keluar kenderaan melebihi sebulan jika ada permintaan.

Bagaimanapun, beliau berkata terdapat lebih 100 kenderaan yang berdaftar di Langkawi dikesan tidak membayar cukai selepas dibawa keluar melebihi tempoh yang dibenarkan.

-- BERNAMA

NH PR